

Kembalinya penyair Arisel BA

ARISEL BA atau nama sebenarnya Subari Ahmad telah kembali ke rahmatullah pada 1 Disember lalu kerana serangan jantung dan selamat dikebumikan di Kampung Ulu Gali, Raub Pahang. Allahyarham dilahirkan pada 11 Ogos 1953 di Ladang Selborne, Kuala Lipis, Pahang.

Allahyarham mendapat pendidikan awal dan menengah dari Sekolah Menengah Clifford, Kuala Lipis, Pahang kemudian melanjutkan pengajian dalam bidang komunikasi korporat di Universiti Putra Malaysia (UPM) 2003.

Mula melibatkan diri secara serius dalam penulisan sejak 1976 di mana puisi pertamanya Gua Bama tersiar di majalah Dewan Sastera,

April 1977.

Selain puisi, Arisel menulis cerpen, novelet, drama pentas dan rencana. Karya Arisel telah terbit di akhbar, majalah dan antologi puisi/cerpen bersama. Pernah menerbitkan novelet pertamanya Dendam Malam Gerhana (1982) dan Kumpulan Sajak AKSARA XXX (2004).

Di samping itu sajak-sajak Arisel BA selain tersiar dalam pelbagai akhbar dan majalah, terdapat berpuluh Antologi Puisi Bersama dengan penyair-penyair lain.

Arisel BA pernah menjadi Setiausaha Agung Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP)

selama 10 tahun (1983 -1993) dan Setiausaha Hari Sastera 1987. Arisel BA telah dianugerahkan Pingat Jaksa Kebaktian (PJK) pada 24 Oktober 1997 dan Pingat Khidmat Cemerlang (PKC) pada 24 Oktober 2006 atas jasanya terhadap kerja sosial, pengembangan bahasa, sastera dan budaya Melayu di Pahang Darul Makmur khasnya dan Malaysia amnya.

Sebuah antologi cerpennya akan diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Hingga saat akhirnya Allahyarham masih gigih untuk menyiapkan buku Biodata Penulis Pahang.

- AMINUDDIN MANSOR



SUBARI AHMAD